

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : -

RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022

'Ahli Parlimen wajib sokong penuh'



Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mencegah potensi mudarat yang lebih besar pada masa depan khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja disebabkan ketagihan merokok adalah faktor terpenting yang perlu dipertimbangkan Ahli Parlimen apabila membahas dan meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022.

Pakar perubatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai amat berharap RUU itu tidak dilengahkan dan mahu semua Ahli Parlimen memberi sokongan penuh apabila ia dibaca kali kedua di Dewan Rakyat, hari ini dalam usaha merealisasikan hasrat negara bebas tembakau menjelang 2040.

Oleh kerana RUU itu bertujuan mewujudkan kelompok rakyat yang bebas rokok membabitkan mereka yang lahir pada dan selepas 1 Januari 2007, seharusnya tidak ada sebab usaha itu tidak mendapat sokongan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Kementerian Kesihatan maklum bahawa usaha mencegah tabiat merokok perlu dilakukan secara berhati-hati tetapi dengan fokus utama ialah mewujudkan generasi pemisah daripada tabiat itu memandangkan pelbagai kempen yang dilakukan sebelum ini tidak menunjukkan kesan yang ketara.

Dapat sokongan masyarakat


Justeru, komitmen KKM menggubal undang-undang khusus menghalang tabiat merokok menerusi dasar Generation End Game (GEG) atau generasi penamat menjelang 2040 mendapat pujian.

Sentimen terhadap RUU itu amat positif iaitu hampir semua masyarakat sivil mahu ia dilaksanakan bagi mengurangkan rakyat Malaysia yang merokok pada masa depan.

Menurut rekod Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), tabiat merokok membunuh lebih lapan juta penduduk dunia setiap tahun, termasuk 1.2 juta perokok pasif.

Di Malaysia, kira-kira 400 kematian akibat rokok direkodkan setiap minggu.

Nasional 8



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

RUU Kawalan Tembakau dan Merokok 2022

'Tiada alasan tak sokong RUU'

NGO minta Ahli
Parlimen sokong
bagi elak
ketagihan rugikan
rakyat, negara

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) melabel ahli Parlimen yang menentang Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Tembakau dan Merokok 2022 sebagai musuh kanak-kanak dan generasi sihat masa depan.

Aktivist antimerokok dan pegawai pendidikannya, NV Subbarow, berkata tidak ada alasan untuk ahli Parlimen tidak menyokong RUU yang berupaya menyelamatkan dua juta kematian akibat tabiat merokok.

"RUU ini adalah hadiah terbaik untuk generasi masa depan. Setakat ini, lebih 20 negara mengharamkan vape dan e-rokok."

"CAP tidak faham mengapa ada sesetengah ahli Parlimen mengamalkan sikap tunggu dan lihat, selain ada yang mengatakan ia hak individu untuk merokok. Mereka mesti faham ini adalah ketagihan," katanya.

Beliau memberi amaran jika ahli Parlimen tidak menyokong RUU itu, ia akan memberi pelbagai implikasi kesihatan dan ekonomi ke-

pada rakyat, termasuk jumlah pesakit menderita akibat kanser akan terus meningkat, manakala keluarga perokok menderita kerana separuh daripada pendapatan dihabiskan untuk rokok berbanding keperluan asas lain.

Permulaan dadah

Sementara itu, Pengerusi Biro Wanita, Keluarga dan PENAWAR Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Datuk Jamelah A Bakar, berkata rokok dan vape adalah permulaan kepada tabiat penyalahgunaan dadah.

Sehubungan itu, PEMADAM



NV Subbarow

menyokong sepenuhnya RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 serta pelaksanaan peruntukan generasi penamat (GEG) yang melarang aktiviti merokok dan membeli rokok, termasuk rokok elektronik kepada mereka yang lahir pada dan selepas 1 Januari 2007.

Katanya, kemunculan produk rokok alaf baru seperti rokok elektronik dan vape turut mendatangkan impak negatif kepada kesihatan dan memberi tekanan kepada sistem kesihatan negara serta mengancam kesihatan perokok dan bukan perokok.

"Satu kajian antarabangsa menunjukkan jika masalah merokok tidak dibendung, kerajaan bakal berdepan kerugian RM273.5 billion akibat kematian prematur, ketidakdakhiran bekerja kerana masalah kesihatan ataupun tidak dapat menyumbang kepada produktiviti akibat kesihatan yang terganggu."

"GEG akan memastikan generasi muda dapat hidup lebih sihat, lebih produktif dan berdaya saing demi kemajuan negara."

"Oleh itu, PEMADAM menyeru kepada semua ahli Parlimen supaya menyokong RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang bertujuan menjamin kesihatan awam dan melindungi rakyat kita serta keluarga Malaysia daripada ancaman bahaya produk merokok," katanya.

Implikasi besar isu kesihatan jika akta tak dilulus

Dari Muka 1

Pensyarah Kanan dan Pakar Berhenti Merokok, Kuliyah Farmasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Mohamad Haniki Nik Mohamed berharap pihak industri tidak campur tangan dalam proses meluluskan RUU itu dengan semua ahli Parlimen digesa menzahirkan pendirian kukuh menyokongnya.

"Jika ada campur tangan industri, maka akan ada dakwaan kononnya rokok elektronik menggunakan mudarat berbanding rokok konvensional. Menurut mereka, bahan kimia dalam rokok biasa sekitar 7,000 jenis, ia berbahaya dan menyebabkan kanser, berbanding rokok elektronik cuma sekitar 2,000 bahan kimia."

"Ini satu pendapat yang sangat lemah dari segi saintifik. Naratif seperti ini, sama ada daripada masyarakat, ahli perniagaan, hatta Ahli Parlimen tidak boleh diterima."

"Begitu juga jika ada yang bandingkan dengan negara lain, seperti ada pihak mencadangkan penggunaan rokok elektronik seperti dibenarkan di New Zealand, sedangkan kita perlu sedar peraturan perokok mereka amat rendah, sedangkan di Malaysia peraturan perokok masih tinggi," katanya kepada BH.

Beliau berkata, sudah tiba masanya masyarakat cakna keperluan untuk negara mengaplikasikan strategi baharu bagi membendung amalan dan ketagihan merokok yang semakin membimbangkan.

"Kita perlu ada akta khusus yang bebas dan baharu untuk mengawal semua produk berkaitan tembakau, termasuk rokok dan vape."

"Pelbagai strategi dilaksanakan sebelum ini, termasuk memper-

luas kawasan bebas atau larangan merokok dan meningkatkan cukai tidak memberi kesan. Jadi, GEG adalah strategi yang lebih drastik," katanya.

Selamatkan anak bangsa

Beliau berkata, tanggungjawab setiap Ahli Parlimen adalah membuktikan mereka benar-benar serius untuk menyelamatkan anak bangsa daripada gaya hidup tidak sihat menerusi sokongan kepada RUU berkenaan.

Bagi Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Dr M Muralitharan, alasan diberikan sesetengah pihak, termasuk Ahli Parlimen yang tidak menyokong RUU itu sama sekali tidak boleh diterima dan sangat remeh berbanding keperluan menyokongnya, demi menyelamatkan nyawa kira-kira dua hingga tiga juta rakyat.

"Kita mendengar pelbagai jenis alasan mengapa sesetengah pihak tak sokong RUU ini, apa yang dilihat secara jelas, dakwaan mereka tidak ada kaitan pun dengan isu pokok. Maknanya, kebimbangan mereka dipengaruhi oleh orang dalam industri tembakau atau pihak lain."

"Saya lihat tak ada alasan munasabah untuk seseorang Ahli Parlimen untuk tidak menyokong RUU berkenaan," katanya.

Beliau berkata, Ahli Parlimen wajar bertanggungjawab penuh bagi memastikan kesejahteraan rakyat yang diwakili mereka.

"Apa yang paling utama adalah keselamatan diri, nyawa dan keluarga kita, jadi inilah tugas penting perlu dijalankan seorang Ahli Parlimen. Kalau anda tidak menjalankannya dengan betul, iaitu sokong undang-undang yang membe-

nyawa anak kita, apalah gunanya," katanya.

Pensyarah dan Pakar Perubahan Keluarga, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Nur Amani Ahmad Tajuddin, berkata perokok dan pengguna vape kelompok B40 akan berdepan implikasi terbesar merangkumi isu kesihatan fizikal dan mental, jika akta ini tidak diluluskan.

Memperincikan perkara itu, beliau berkata, ini mengambil kira majoriti perokok dan pengguna rokok elektronik adalah dalam kelompok berkenaan.


"Pegiat industri tembakau memang menyasarkan golongan B40, atas banyak faktor, termasuk senang dipengaruhi, tekanan rakan sebaya dan tahap pendidikan yang rendah."

"Ta juga akan turut memberi kesan buruk kepada pelajar sekolah kerana vape kini boleh dibeli di kedai runcit dan platform e-dagang," katanya.

Lebih membimbangkan, katanya, senario tidak sihat ini sudah menular dalam kalangan murid sekolah yang dikenal pasti menggunakan vape seawal usia lapan tahun, sekali gus menyumbang kepada pelbagai masalah sosial, termasuk ponteng sekolah dan masalah disiplin," katanya.

Presiden pertubuhan komuniti Ayah Jangnan Merokok, Norman Naim, melihat akta itu berupaya membanteras secara menyeluruh penggunaan rokok dan pelbagai peranti elektronik yang dijual secara terbuka di pasaran.

"Misalnya vape, mudah didapati dan dijual tanpa lesen. Justeru, tentu kanak-kanak mudah terdedah dan tertarik kepada peranti ini, apatah lagi jika yang menggunakannya dalam kalangan rakan sebaya mereka," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

RUU Kawalan Tembakau dan Merokok 2022

Generasi muda sambut baik penguatkuasaan

Mohon RUU dilaksanakan bagi lahir masyarakat bebas rokok demi kesejahteraan rakyat, negara

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Usaha bagi meluluskan dan menguatkuasakan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Tembakau dan Merokok 2022 perlu mendapat sokongan semua pihak, terutama Ahli Parlimen di Dewan Rakyat.

Ia perlu bagi menyampaikan mesej kepada seluruh rakyat yang harus faham kerana kesan negatif ketagihan nikotin akibat merokok dan menghisap vape dari segi ekonomi dan sosial adalah sangat tinggi.

Selain itu, RUU berkenaan turut memberi banyak manfaat, termasuk untuk melahirkan generasi bebas merokok, manakala perbelanjaan rawatan diperuntukkan kerajaan terhadap pesakit akibat merokok juga akan berkurangan.

Justeru, sokongan kepada pelaksanaan RUU itu yang dibentangkan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat minggu lalu dengan perbahasannya dijangka minggu ini, sekali gus dapat mengubah masa depan kesihatan generasi akan datang yang bebas daripada penyakit akibat ketagihan nikotin.

RUU berkenaan menggariskan mereka yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya akan dilarang memiliki atau menghisap produk tembakau dan rokok elektronik yang dinamakan generasi penamat (GEG).

Pekerja swasta, Wan Ashfan Wan Abdullah, 40, yang berharap tidak ada Ahli Parlimen menentang RUU berkenaan, berkata semua pihak terutama penggubal undang-undang di Dewan Rakyat perlu lebih



profesional dan rasional.

"Ini kerana isu ini membabitkan masa depan Keluarga Malaysia dan mungkin juga anak cucu mereka sendiri. Tanyalah pendapat rakyat mengenai perkara ini kerana ia lebih relevan berbanding segelintir Ahli Parlimen yang mungkin mempunyai kepentingan tersendiri dan menentangnya, kalau ada.

Hapus pengaruh rokok

"Usaha RUU ini amat baik kerana sekurang-kurangnya kita dapat menghapuskan pengaruh rokok dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda. Rata-rata mereka yang ada anak kecil juga seolah-olah tidak senang dengan situasi perokok di kedai makan umpamanya.

"Kita sendiri nak pastikan anak selamat daripada asap rokok, jadi memang langkah itu amatlah ter- baik untuk masa depan anak saya dan orang lain juga," katanya.

Akauntan, Chin Weng Kit, 30, mengakui RUU itu mungkin agak sukar untuk dilaksanakan berdasarkan budaya masyarakat yang ramai merokok, namun untuk memastikan tabiat buruk itu dapat dihapuskan, beliau mengesyorkan cukai tinggi dikenakan terhadap produk berkenaan.

"Laksanakan juga cukai yang tinggi kepada pengusaha vape kerana ia akan memberi kesan kepada penjualan produk itu. Adakan kempen mendidik di sekolah kerana saya yakin mesti ada saluran lain bagi golongan ini untuk mendapatkan rokok atau vape secara tidak sah.

"Semua sudah tahu kesan baik dan buruk akibat ketagihan rokok atau vape, justeru kita perlu pastikan generasi akan datang tidak

terjebak dan menjadi perokok tegar. Marilah kita bersama-sama memastikan kejayaan RUU ini," katanya.

Bagi ahli perniagaan, Nadia Mohd Adnan, 29, mana-mana Ahli Parlimen yang menentang RUU itu sepatutnya tampil dengan penyelesaian untuk situasi menang-menang, bukan sekadar menentang sahaja.

Beliau juga yakin sekiranya ditanya kepada rakyat, mereka pasti akan bersetuju mengenai pelaksanaan RUU berkenaan dan mungkin ia akan berjaya dilaksanakan secara berperingkat.

"Bagaimanapun, sebaik-baiknya mereka (Ahli Parlimen) sokong kerana ia langkah pertama untuk mengelakkan generasi muda terjebak dengan ketagihan merokok, seterusnya dibimbangi terjebak dengan najis dadah.

"Kalau nak menentang sekali pun, tampil dengan idea bagaimana nak mengurangkan pengaruh merokok ini kerana saya yakin usaha ini perlu digembelng bersama, bukannya dijadikan satu permainan politik.

"Bagaimanapun dalam menyelesaikan isu tabiat merokok, semuanya bermula dari diri dan juga didikan dari rumah. Ibu bapa berperanan memastikan anak-anak yang akan menjadi generasi akan datang, bebas merokok," katanya.

Penjawat awam, Nor Azian Hassan, 40, berharap Dewan Rakyat meluluskan RUU berkenaan untuk kebaikan generasi muda Malaysia pada masa depan kerana ia juga memenuhi Agenda Sihat Nasional (ASN).

"RUU ini amat bertepatan dengan ASN, selain mengambil kira juga industri memandangkan masih ada generasi akan kekal mero-

kok. Saya yakin semua Ahli Parlimen tahu agenda itu dan faham apa ingin dibawa kerajaan kepada setiap rakyat dalam aspek kesihatan awam dan peribadi.

Pertikai pihak menentang

"Saya tidak faham apakah justifikasi jika ada mana-mana Ahli Parlimen yang menentang RUU ini. Mungkin mereka juga perokok tegar, tetapi cuba fikir masa depan generasi muda yang juga anak cucu mereka suatu hari nanti," katanya.

Sementara itu, ahli farmasi, Tan Wei Shen, 31, berkata sudah cukup banyak bukti untuk menunjukkan manfaat tidak merokok atau menghisap vape, tabiat yang memang buruk untuk kesihatan dan akan merugikan setiap orang.

"Selaku ahli farmasi, saya memang inginkan generasi yang tidak terbabat dengan merokok atau hisap vape lagi. Kasihan mereka yang masih muda kerana bila tua, pasti berdepan banyak penyakit," katanya.

Pegawai bank, Kavi Raj, 25, mengakui kemungkinan ada segelintir pihak menentang RUU ini dan mengaitkannya dengan hak asasi manusia.

"Mungkin sukar untuk menghapuskan sepenuhnya tabiat merokok, namun mungkin ada kesan positifnya jika RUU ini dilaksanakan secepat mungkin," katanya mena- sihkan generasi sekarang melihat sebenarnya ada banyak kebaikan jika tidak merokok.

Pandangan sama juga daripada akauntan, Foo Wei Jen, 25, yang melihat RUU berkenaan fokus kepada kesihatan generasi muda dan tidak boleh tidak, semua pihak harus bersetuju.

"Generasi muda yang merokok khususnya remaja, mereka tidak begitu ambil berat kesan ketagihan merokok itu, namun menerusi usaha kerajaan, mereka boleh menilai kesannya pada kemudian hari.

"Bagi generasi baharu, lihatlah dari sudut positif kerana ia demi kesihatan dan banyak penjimatan boleh dilakukan. Usaha memastikan generasi bebas merokok ini memperlihatkan amalan gaya hidup sihat yang perlu disokong setiap orang," katanya.

Saya mahu pada akhirnya, RUU itu diluluskan kerana kesannya diyakini amat positif untuk kesihatan rakyat, khususnya generasi muda

Wan Ashfan Wan Abdullah, Pekerja swasta



Sebaik-baiknya Ahli Parlimen tidak menentang RUU ini kerana sudah jelas pelaksanaannya beri manfaat kepada masyarakat dan negara

Chin Weng Kit, Akauntan



Kita tidak mahu generasi akan datang juga sama macam hari ini, ada yang jadi perokok tegar

Nor Azian Hassan, Penjawat awam



Sekiranya ada Ahli Parlimen menentang, tolong nyatakan alasan mengapa menentang RUU itu dilaksanakan kepada rakyat, biar rakyat putus

Tan Wei Shen, Ahli farmasi



Bayangkan sehari dua kotak rokok, sebulan sudah ratusan ringgit dibelanjakan dan ia sia-sia kerana kesihatan jadi taruhan

Kavi Raj, Pegawai bank



Pandangan dan tindakan positif Ahli Parlimen boleh beri nilai baik untuk difahami seluruh masyarakat. Buat masa ini, sokonglah RUU ini

Foo Wei Jen, Akauntan



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : -

RUU KAWALAN PRODUK TEMBAKAU & MEROKOK 2022

TOLONGLAH SOKONG!



Semua Ahli Parlimen digesa mengutamakan kesihatan rakyat dengan memberikan sokongan penuh kepada Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 menerusi dasar Generation End Game (GEG) atau generasi penamat yang akan dibacakan kali kedua di Dewan Rakyat hari ini.

Rabu lalu, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin membentangkan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 bagi bacaan kali pertama membabitkan tiga peruntukan untuk menangani masalah merokok.

Peruntukan itu adalah melarang pembelian dan penjualan produk tembakau atau rokok kepada mana-mana individu yang lahir pada dan selepas 1 Januari 2007 serta keperluan pendaftaran produk merokok.

Peruntukan ketiga membabitkan kuasa menteri melarang sebarang bentuk produk merokok sekiranya terdapat situasi akut atau kritikal yang membahayakan nyawa, kesihatan atau keselamatan penduduk akibat penggunaannya.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, sudah tiba masanya semua ahli politik bersatu hati dan mengeneipkan tahaman

politik masing-masing demi masa depan anak bangsa.

"Kita harap sangat Ahli Parlimen tanyalah hati sanubari masing-masing, mereka mahu ke anak cucu dan generasi mereka menghisap rokok?"

"Undang-undang ini satu inisiatif terbaik buat masa ini yang sudah lama diperjuangkan ramai pihak untuk menghentikan tabiat merokok," katanya.

Menurutnya, trend peningkatan remaja menghisap rokok dilihat sangat membimbangkan berikutan ada antara mereka sudah berjinak dengan produk tembakau itu bermula usia 10 tahun.

"Berdasarkan kajian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kanak-kanak bawah 12 hingga 18 tahun jika dulu hanya 12 peratus yang menghisap rokok namun kini meningkat kepada 20 peratus."

"Sekarang ini kalau mereka dan berusia 18 tahun ke atas dan bebas membeli

rokok di merata tempat, pastinya peratusan boleh meningkat kepada 30 peratus," katanya.

Katanya, bahan kimia nikotin itu boleh menyebabkan ketagihan kepada individu sehingga sukar untuk berhenti.

"Nasihat saya kepada mereka yang bersidang, sokonglah RUU ini dengan mata hati kerana tiada yang lebih baik daripada ini demi masa generasi depan."

"Perkara yang berbangkit seperti masalah percukaian atau penyeludupan boleh ditatasi kemudian, yang penting lulus dulu RUU ini," katanya.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan NGO Ayah Jangan Merokok, Norman Naim Muhammad Nani juga berpendapat RUU ini wajar disokong 100 peratus Ahli Parlimen.

"Nasihat dan saranan saya, kami daripada pihak badan bukan kerajaan (NGO) sangat berharap supaya Ahli Parlimen dapat berhubung seferusnya bersetuju dengan RUU yang akan dibacakan kali kedua esok (hari ini)."

"Ini kerana, perlu ada satu akta khusus mengawal selia produk tembakau ini, jika tidak ada akan timbul lagi masalah di kemudian hari bagaimana mahu mengawal produk vape yang mudah didapati tanpa perlu ada lesen sekaligus menyebabkan kanak-kanak mudah terdedah," katanya.

Norman Naim berkata, adakah semua pihak sanggup mengorbankan generasi depan dengan budaya bebas merokok dan menggunakan vape di sekolah jika tiada akta khusus.

"Jika kita hanya berharap dengan kempen kesedaran dan pendidikan mengenai bahaya rokok ini tanpa akta khas, pastinya tidak memberi sebarang kesan untuk mengekang generasi akan datang menggunakan produk tembakau," katanya.

lapor Suraya Rostan



Norman Naim Muhammad Nani



Datuk Dr Zainal Ariffin Omar

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL

Empat kematian direkodkan kelmarin

Kuala Lumpur: Empat lagi kematian akibat Covid-19 direkodkan di seluruh negara, kelmarin dengan angka jangkitan harian sebanyak 4,271 kes termasuk tiga kes import berbanding 4,860 kes harian sebelumnya.

Daripada jumlah kematian itu, empat kes direkodkan masing-masing di Melaka, Terengganu, Sabah,

dan Perak.

Laman sesawang COVID-NOW melaporkan sebanyak 1,286 kes aktif baru dengan 96.8 peratus daripada 47,014 kes aktif sedang menjalani kuarantin di rumah.

Seramai 34 pesakit dicatatkan memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) manakala 62 pesakit kini berada di unit rawatan rapi (ICU).

Jumlah pesakit yang di-

masukkan ke wad adalah seramai 514 orang setakat kelmarin.

Kedah terus mencatatkan jumlah pesakit yang berada di ICU tertinggi dengan 78.9 peratus diikuti Selangor (77.9 peratus); Johor (75 peratus); Lembah Klang (74.9 peratus); Labuan (71.4 peratus); Kelantan (70.3 peratus); Putrajaya (70 peratus); Kuala Lumpur (67.4 pera-

tus); Sabah (65.9 peratus); Negeri Sembilan (65.3 peratus); Perak (59.4 peratus); Melaka (56.1 peratus); Pahang (55.4 peratus) dan Sarawak (52.1 peratus).

Sementara itu, tiga negeri mencatatkan penggunaan katil ICU di bawah 50 peratus iaitu Pulau Pinang dengan 47.5 peratus, Terengganu (45.2 peratus) dan Perlis (36.8 peratus).

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : LOKAL

'AKTA MESTI DILULUSKAN'

Semua Ahli Parlimen diminta beri sokongan untuk kesejahteraan rakyat

Oleh Suraya Roslan,
Hazira Ahmad Zaidi,
Meor Ridwan Meor
Ahmad, Izz Laily Hussein,
Siti Aminah Mohd Yusof
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Isu kesihatan awam perlu diutamakan dan ia mengatasi hak asasi untuk merokok terutama kepada golongan muda.

Tinjauan Harian Metro mendapati rata-rata orang awam bersetuju dengan pelaksanaan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 menerusi dasar Generation End Game (GEG) atau generasi penamat.

Bagi mereka, semua Ahli Parlimen perlu menyokong RUU berkenaan untuk melindungi generasi masa depan negara daripada terbahit dengan tabiat merokok dan ketagihan serta mengurangkan peratusan perokok di Malaysia kepada kurang dari lima peratus menjelang 2040.

Pada masa sama, Mala-



Kita meminta supaya sesetengah pihak faham sebab pelaksanaan GEG dan meneliti bagaimana peraturan ini akan dijalankan"

Ho Ryu Yann

ysia kini turut berdepan bebanan berganda yang serius iaitu rokok konvensional dan elektronik.

Masalah itu ditambah dengan beban peratusan merokok yang tinggi dalam kalangan remaja berusia 13

hingga 15 tahun bagi kedua-dua pengguna rokok konvensional dan elektronik.

Presiden Pertubuhan Green Lung Malaysia, Ho Ryu Yann berharap semua Ahli Parlimen memikirkan keselamatan, kesejahteraan dan kesihatan semua rakyat Malaysia.

"Akta ini mesti diluluskan dan pelaksanaan GEG mesti dikuatkuasakan demi Keluarga Malaysia.

"Kita meminta supaya sesetengah pihak faham sebab pelaksanaan GEG dan meneliti bagaimana peraturan ini akan dijalankan.



YB KJ (Yang Berhormat Khairy Jamaluddin) nak tukar rang undang-undang, saya sokong 300 peratus sebab saya hisap rokok daripada umur 18"

Rosyam

Untuk rekod berdasarkan kajian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), terdapat lima juta perokok di Malaysia.

"Sudah semestinya KKM sudah membuat perancangan rapi sebelum pelak-

sanaan ini dibuat dan perkara ini sudah pun diuar-uarkan di media massa sejak enam bulan lalu," katanya.

Pendapat sama turut dikongsi selebriti terkenal tanah air, Datuk Mohamed Noor Shamsuddin atau lebih dikenali sebagai Rosyam Nor yang menyokong penuh pelaksanaan GEG demi masa depan generasi hadapan.

"YB KJ (Yang Berhormat Khairy Jamaluddin) nak tukar rang undang-undang, saya sokong 300 peratus sebab saya dah hisap rokok daripada umur 18.

"Duit dah banyak habis, sekarang umur 55...sempit, naik tangga pun sempit," katanya dalam satu video yang dikongsi pihak KKM kepada media.

Rosyam berkata, seharusnya semua pihak menyokong pelaksanaan RUU ini supaya semua rakyat Malaysia menjadi sihat.

"YB KJ buat benda ini bukan untuk keburukan, tetapi kebaikan, saya harap semua orang sokong perkara baik," katanya.



ROOMAI



DR Nor Anita



NORISHA



MUSTAPHA



KAMARULSYAH



MUHAMMAD Azri

Ramai sokong inisiatif wujudkan generasi muda sihat

Datuk Roomai Nor Ali
Pengerusi Pusat Aktiviti
Warga Emas (Pawe)

"Kebanyakan perokok mengetahui kesan buruk merokok terhadap kesihatan namun mereka tidak berupaya mengawal keinginan untuk menghisap rokok.

"Saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 menerusi dasar Generation End Game (GEG) bagi mewujudkan generasi muda yang lebih sihat dan paling penting amalan merokok tidak di-

jadikan gaya hidup."

Mohd Rafik Affandi
Penjawat awam

"Merokok dalam kalangan remaja titik pemula masalah sosial lain seperti salahguna dadah atau lain-lain bahan terlarang.

"Apatah lagi bila bercakap soal hukum dan fatwa, perokok ini terutamanya yang beragama Islam, wajib mentaati keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang memutuskan bahawa hukum merokok itu haram."

Dr. Nor Anita Mat Isa
Pensyarah IPG Kampus

Perlis

"Amalan merokok dan penggunaan vape dalam kalangan wanita dan kanak-kanak di bawah 18 tahun satu perkembangan membimbangkan semua pihak.

"Sewajarnya pembentangan rang undang-undang dan kawalan produk tembakau dan merokok disokong oleh semua Ahli Parlimen."

Norisha Mohd Saad
Pensyarah kolej swasta

"GEG pendekatan bijak yang sewajarnya diambil lama dahulu meskipun ke-

sannya hanya akan dapat dilihat dalam jangka masa panjang.

"Sekarang umur generasi berkenaan ialah 15 tahun saya amat berharap RUU berkenaan menjadi undang-undang yang bakal dikuatkuasakan demi melahirkan rakyat Malaysia yang sihat dan berkualiti."

Mustapha Mohamad Noor
Pesara guru

"Seseorang cenderung menghisap rokok apabila menginjak usia remaja dan sekatan yang dikenakan itu secara tidak langsung dapat menghindari mereka dari-

pada merokok.

"Merokok perbuatan sia-sia, malah ia satu pembaziran selain turut mengundang risiko penyakit kepada si perokok dan kita mahu generasi muda pada hari ini bebas dari rokok."

Li Koi (PA) Kamarulsyah
Muslim

Pengarah APM Melaka
"Saya sokong supaya RUU ini diluluskan dan amat berharap semoga semua Ahli Parlimen dapat sepakat menyokongnya.

"RUU ini wajar diluluskan demi kepentingan, kesihatan dan kebaikan ke-

pada masyarakat Malaysia secara keseluruhannya."

Muhammad Azri
Amerruddin
Penyelia kedai

"Ahli Parlimen digesa menyokong RUU dan dasar GEG ini kerana tidak mahu lagi golongan remaja akan datang terjebak dengan tabiat merokok.

"Apabila tiada lagi generasi merokok, maka pada masa akan datang, ia dapat mengurangkan isu asap rokok apabila berada di tempat tumpuan orang ramai seperti pasar malam, kedai makan dan sebagainya."

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

HANYA 3 DAPAT BUANG TAGIH

Nikotin cepat memberangsangkan otak dan dorong tahap ketagihan tinggi sekali: Pakar

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pakar berhenti merokok mengesahkan hanya tiga daripada 10 individu yang mahu merawat ketagihan tembakau berjaya berhenti dalam tempoh enam bulan.

Jumlah itu adalah sangat kecil didorong oleh faktor persekitaran yang menyukarkan untuk mereka berhenti.

Pakar berhenti merokok dan juga bekas pensyarah Fakulti Sains Kesihatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr Wee Lei Hum berkata, sepanjang mengendalikan klinik berhenti merokok, agak sukar untuk orang dewasa pulih daripada ketagihan nikotin.

"Kebanyakan mereka menjadi perokok tegar dan sukar merawat ketagihan."

"Malah, kebanyakan mereka datang ke klinik apabila mula mendapat penyakit, rata-rata mereka menyesal kerana mula di usia muda dan tidak tahu produk tembakau mengandungi nikotin ini sama ada dalam rokok dan vape membawa ketagihan," katanya.

Menurutnya, apabila seseorang individu menghisap rokok dan menggunakan vape di usia muda, biasanya jarang dapat berhenti kerana nikotin mengandungi kandungan tinggi bahan yang meningkatkan ketagihan berbanding dadah heroin dan ganja.

"Nikotin ini cepat memberangsangkan otak dan tahap ketagihan tinggi sekali, sebab itu ramai anak remaja kita yang pada mulanya niat mahu mencuba untuk suka-suka akhirnya ketagih dan sukar berhenti."

"Dua kaedah digunakan untuk membantu mereka berhenti iaitu melalui nikotin gantian terapi dan kaunseling tingkah laku untuk ubah tabiat lama."

"Namun melalui dua kaedah ini masih sukar mereka berhenti dan tahap kejayaan dalam enam bulan rawatan hanya tiga daripada 10 orang berjaya berhenti,"



Kita sudah di luar kawalan sekarang, industri ini (vape) dilihat semakin berkuasa dan ini menyukar langkah intervensi diambil"

Dr Wee Lei Hum

nak sampai setahun lagi mungkin satu atau dua orang saja berjaya, sangat sukar," katanya.

Menurutnya, pengaruh media sosial antara penyumbang ramai golongan remaja terjebak dengan penggunaan vape kerana industri itu sendiri mempromosi secara meluas menerusi medium berkenaan.

"Saya melihat pelaksanaan generasi penamat (GEG) ini adalah bagus berikutan kadar prevalen kita menerusi Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) yang dibuat setiap lima tahun mendapati tidak ada penurunan ketara dalam perokok tegar."

"Ada penurunan pada 2015 hingga 2019 iaitu turun 1.5 peratus, itu pun di-

sebabkan mereka menukar kepada penggunaan vape," katanya.

Akuinya, negara sudah tidak terkawal dalam mengehadkan penggunaan vape dalam kalangan remaja.

"Kita sudah di luar kawalan sekarang, industri ini (vape) dilihat semakin berkuasa dan ini menyukar langkah intervensi diambil," katanya.

Ditanya mengenai langkah kerajaan melaksanakan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Tembakau dan Merokok 2022, Dr Wee berkata, langkah Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin itu wajar dipuji demi generasi akan datang.

"Sepatutnya semua ahli parlimen menyokong langkah baik ini demi kesejahteraan rakyat dan generasi masa depan tanpa banyak halangan," katanya.

Menurutnya, lebih membimbangkan, penggunaan vape dalam kalangan wanita turut menunjukkan peningkatan ketara di Malaysia.

"Jika dulu tidak sampai satu peratus, tetapi seka-

5.3%

jumlah golongan wanita didapati menggunakan vape



rang sekitar 4.7 hingga 5.3 peratus wanita menggunakan vape."

"Keadaan ini membimbangkan kerana mereka ini akan membesar menjadi seorang ibu," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia Hasnul Haniff Harun turut menyokong RUU Kawalan Tembakau dan Merokok 2022 selepas ia melalui bacaan kedua dan ketiga di Dewan Rakyat pada Isnin depan.

"RUU ini juga dikenali sebagai undang-undang generasi penamat kerana ia bertujuan untuk melindungi nyawa rakyat."

"Jika GEG tidak dilaksanakan kerajaan bakal berdepan dengan kos rawatan

tahun dan juga kenaikan kos perubatan sebanyak lima peratus setahun untuk kos rawatan bagi penyedia perkhidmatan dan kos pesakit, kerajaan bakal berdepan dengan kos untuk merawat hanya tiga daripada penyakit akibat merokok konvensional iaitu kanser paru-paru, serangan jantung dan chronic obstructive airway disease sebanyak RM8.77 billion menjelang 2030," katanya.

Menurutnya, projeksi bilangan pengguna rokok elektronik dikira berdasarkan kadar kejadian sebanyak 0.04 peratus dan kos rawatan dikira berdasarkan kemasukan ke wad selama empat hari dan kemasukan ke wad selama 12 hari.

"Dengan peratusan penggunaan rokok elektronik pada kadar sekarang, kerajaan bakal menanggung kos rawatan RM369 juta menjelang 2030," katanya.

Pada 27 Jun, Khairy membentangkan bacaan pertama RUU itu.

Bertujuan untuk menamatkan tabiat merokok, undang-undang akan terpakai kepada mereka yang lahir pada 2007 dan seterusnya dan bukan 2005 seperti yang dicadangkan pada mulanya.

Bacaan kedua (perbincangan) dan bacaan ketiga akan dilakukan dalam persidangan Parlimen sekarang.

Jika diluluskan, Malaysia bukan sahaja akan mengharamkan merokok, tetapi juga melarang pemilihan produk tembakau dan vape oleh mereka yang lahir selepas 2007.

Dengan peratusan penggunaan rokok elektronik pada kadar sekarang, kerajaan bakal menanggung kos rawatan RM369 juta menjelang 2030"

Hasnul Haniff

perubatan yang tinggi.

"Dengan anggaran pertumbuhan penduduk sebanyak 1.5 peratus mengikut Jabatan Statistik Malaysia pada 2015, dalam masa lima



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SUARA

RUU Kawalan Tembakau dan Merokok 2022 wajar disokong

PADA Khamis lalu, Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 mengenai Peruntukan Larangan Ahli Parlimen Bertukar Parti diluluskan di Dewan Rakyat dengan majoriti melebihi dua pertiga.

Sementara itu pada hari ini, satu lagi RUU yang mendapat perhatian banyak pihak iaitu RUU Kawalan Tembakau dan Merokok 2022 bakal dibentangkan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bagi bacaan pertama.

Ia dianggap penting kerana melibatkan soal kesihatan rakyat khususnya generasi yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya kerana ada peruntukan melarang individu membeli, merokok dan memiliki produk tembakau atau peranti merokok.

Di bawah RUU itu juga, mereka yang didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi RM5,000.

Menurut Khairy, sejumlah 2 juta nyawa mampu diselamatkan daripada kematian serta keilatan disebabkan penyakit berkaitan aktiviti merokok dalam tempoh sehingga 2040 sekiranya RUU tersebut berkuat kuasa.

Apa yang diharapkan ialah RUU Kawalan Tembakau dan Merokok 2022 ini bakal mendapat sokongan padu daripada ahli Dewan Rakyat sama seperti RUU Larangan Ahli Parlimen Bertukar Parti biarpun ada syarikat rokok melobi ahli Parlimen mengenai RUU itu.

Mengikut *The Framework Convention on Tobacco Control*, syarikat tidak boleh melobi atau campur tangan dalam perundangan mana-mana negara tentang kawalan tembakau.

Walaupun ada yang menyatakan RUU tersebut akan memberi kesan kepada ekonomi negara tetapi berdasarkan kajian yang dijalankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), industri tembakau hanya mengurangkan 0.18 peratus sahaja kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sebaliknya, negara kehilangan produktiviti akibat rokok adalah lebih tinggi berbanding kesan kepada ekonomi daripada sudut keilatan.

Ia membuktikan bahawa mereka yang terlibat dalam industri rokok adalah kecil dan jumlah pasaran akan mengecil secara berperingkat dengan mengambil masa 20 hingga 30 tahun.

Mengambil kira data mengenai 400 kematian setiap minggu dan RM6.2 bilion bagi kos perubatan yang ditanggung kerajaan bagi merawat pesakit akibat merokok pada 2020 berbanding kutipan cukai produk tembakau RM3 bilion, RUU ini wajar disokong oleh semua wakil rakyat di Parlimen demi kebaikan generasi akan datang.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

